

Lampiran 1

Muhamad Zain bin Haji Ayub

Dilahirkan di Taiping pada 31 Mac 1897. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Taiping sehingga tamat darjah lima dan seterusnya menjadi guru pelatih di sekolah yang sama sekitar tahun 1908. Beliau kemudian menyambung pendidikannya di Maktab Perguruan Melaka mulai tahun 1909 sehingga tahun 1911. Selepas menamatkan latihan di Maktab tersebut, beliau telah dihantar bertugas di Kurau, Perak. Selepas itu beliau telah dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Simpang, Taiping, Perak pada tahun 1912. Beliau mempunyai kecerdikan yang luar biasa dan telah ditawarkan melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris iaitu Sekolah King Edward VII di Taiping, Perak antara tahun 1913-1915. Semasa belajar di sini, beliau telah lulus peperiksaan Senior Cambridge.¹

Pada tahun 1916, beliau telah ditawarkan menjadi kerani di pejabat Penguasa Pekerjaan Tanah Kedah Utara di Alor Setar. Semangat yang ada dalam diri beliau untuk menjadi pendidik, akhirnya pada tahun 1919, beliau telah ditukarkan ke Selangor untuk menjawat jawatan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Selangor. Beliau sekali lagi telah ditukarkan ke Pulau Pinang pada 1 Januari 1920 sehingga 20 Mei 1923 dan ditukarkan ke Kuala Kangsar menjawat jawatan guru Maktab Bal-al-Darjat di sana. Selama beliau menjadi Penolong Nazir di Pulau Pinang, telah membawa beliau mengasaskan Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang. Sumbangan beliau sesungguhnya sangat besar memandangkan melalui persatuan

¹ Aminah Mohammad Nor, "Kebangkitan dan Perjuangan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perak," hlm. 15.

ini dan dengan terbitnya majalah **Panduan Guru**, usaha memajukan masyarakat Melayu dapat diperkembangkan lagi.²

²“Peredaran Masa.” **Panduan Guru**, Oktober 1923, hlm. 1.

Lampiran 2

Cikgu Jaafar bin Abdul Rasyid

Beliau telah dilahirkan pada tahun 1891. Beliau mula bekerja sebagai guru agama Maktab Perguruan Sultan Idris pada 1 Jan 1921 hingga 17 November 1922. Beliau pernah mengajar Al-Quran dan kitab-kitab selama 12 tahun. Murid-murid beliau lebih daripada 1300 orang dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Brunei. Beliau merupakan guru agama pertama di MPSI. Selain daripada itu, semasa lapang beliau suka menghabiskan masanya dengan bermain ping-pong dan catur sama ada dengan para guru ataupun dengan murid-murid. Beliau merupakan seorang guru yang penyabar dan ikhlas dalam menjalankan tugasnya sebagai guru.³

³ Saudara, 3 Disember 1934, hlm. 1.

Lampiran 3

Haji Said bin Haji Abdul Rahman

Beliau dilahirkan pada tahun 1886. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Setapak, Kuala Lumpur di bawah latihan guru Tuan Haji Muhamad bin Haji Muhamad Amin I.S.M. Setapak. Pada tahun 1902-1903, beliau memasuki Maktab Perguruan Melayu Melaka. Manakala pada tahun 1904, beliau dilantik sebagai Guru Besar di Ulu Kelang, tetapi pada 1.1.1909 beliau telah bertukar ke Cheras. Pada 10.4.1917 beliau bertukar ke Kampung Baru, Kuala Lumpur dan mengajar di sini sehingga 1.4.1929. Manakala pada 1.10.1920 beliau bertukar pula ke Sungai Banji, Klang sehingga beliau bersara pada 30 Jun 1932.⁴

Beliau merupakan seorang guru yang rajin bekerja walau di mana beliau bertugas. Beliau juga merupakan salah seorang daripada guru-guru Melayu di Selangor yang paling pandai merangka perbelanjaan daripada gajinya di mana wang gaji tersebut masih lagi boleh digunakan pada waktu persaraannya. Ini berbeza dengan guru-guru pesara yang lain yang meminta daripada orang lain apabila telah bersara. Beliau telah diangkat menjadi ketua untuk menguruskan hal-hal kampung di sebuah kampung di batu 5 Setapak, Kuala Lumpur. Salah satu daripadanya ialah mendirikan sebuah masjid besar di kampung tersebut yang diusahakan oleh beliau bersama-sama dengan penghulu dan ketua-ketua kampung yang lain.⁵

⁴ Majalah Guru, September 1934, hlm. 357-358.

⁵ Ibid.

Lampiran 4

Abu Bakar Ahmad

Mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu pada tahun 1895 dan pada tahun 1904 beliau telah tamat darjah 4 iaitu tahap yang paling tinggi dalam sistem persekolahan Melayu pada masa itu. Pada tahun 1910, beliau telah memegang jawatan sebagai kakitangan kerajaan iaitu menjadi pelayan (peon) di Pejabat Khazanah Pekan. Lebih kurang setahun memegang jawatan tersebut, beliau telah dilantik menjadi Guru Penolong di sekolah Pekan Seberang pada tahun 1911. Pada tahun 1912 beliau memegang jawatan Guru Penolong di Sekolah Melayu Pekan. Dikatakan semasa beliau menjadi guru penolong di sini, beliau telah menyarankan kepada pihak pentadbir pendidikan agar kanak-kanak perempuan dan murid-murid lelaki diletakkan dalam satu kelas. Daripada tarikh tersebut, semakin ramai kanak-kanak perempuan yang ingin mendapat pendidikan sehingga terpaksa ditubuhkan sebuah sekolah khas untuk kanak-kanak perempuan.⁶

Pada tahun 1913 beliau telah dilantik oleh kerajaan untuk memegang jawatan Guru Besar di Sekolah Melayu Ketanjung dan pada tahun 1914 bertukar pula ke Sekolah Pahang Tua. Pada tahun 1916, beliau ditukarkan ke Sekolah Melayu Rompin dan pada tahun 1917, beliau bertukar pula ke Sekolah Melayu Pontian yang mana beliau telah memperolehi darjah 1B. Beliau telah dihantar oleh kerajaan ke Sekolah

⁶ *Majalah Guru*, Januari 1935, hlm. 33-35.

Pekan Seberang pada tahun 1929. Pada tahun 1934 dengan permintaannya dan dipersetujui oleh kerajaan, beliau bertukar pula ke Sekolah Melayu Kuantan sementara menanti waktu persaraannya.⁷

Beliau dianggap sebagai guru darjah "B" dari Pahang yang banyak berjasa kepada bangsa dan tanahairnya. Beliau bersara pada 1 Disember 1934.⁸

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

Lampiran 5

Muhamad bin Datuk Muda Linggi

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Guru Penolong di Sekolah Kuala Pilah pada 1 Januari 1905 (lulusan Kolej Melaka) dan pada 20 Januari 1905 memegang jawatan sebagai Guru Besar Sekolah Johol. Pada 20 Febuari beliau kembali semula ke Kuala Pilah dan pada 1 April bertukar ke Sekolah Jempol. Pada 1 Januari 1906, beliau telah bertukar ke Sekolah Repah, Tampin dan menjadi Guru Besar, kemudian pada 1 Disember ditukarkan ke Sekolah Labu Hilir.⁹

Pada 1 Julai 1907, beliau bertukar ke Sekolah Seremban sambil menolong kerja-kerja di Pejabat Pelajaran. Pada 1 Oktober 1933 beliau telah bertukar pula ke Perak dan menjadi guru di Kolej Matang. Pada 1 Ogos 1918, beliau pulang semula ke Negeri Sembilan dan menjadi Guru Pelawat di jajahan Seremban. Pada 1 Januari 1924, beliau naik "Special Class." Pada 1 Ogos 1926 – 18 April 1927 beliau memangku jawatan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Negeri Sembilan, manakala pada 19 April 1927, beliau telah mewakili Guru Pelawat Jajahan Seremban. Pada 13 Februari 1932 beliau menjadi Guru Besar di Sekolah Temayang sehingga bersara.¹⁰

⁹ Majalah Guru, Julai 1933, hlm. 265.

¹⁰ Ibid.

Selain daripada itu, Muhamad juga banyak memegang jawatan luar daripada profesion perguruannya. Dalam hal ini, beliau pernah memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa (Committee) Persekutuan Persidangan Belia Seremban dari mula-mula didirikan dalam tahun 1919 hingga akhir tahun 1930. Beliau juga pernah menjadi Setiausaha Persekutuan Guru-guru Negeri Sembilan dari mula-mula ditubuhkan dalam tahun 1923 sehingga akhir tahun 1925, malahan atas usaha beliaulah maka ditubuhkan Persatuan ini. Selain memegang jawatan Penolong Nazir, pada masa yang sama juga beliau menjadi Yang DiPertua Persekutuan tersebut. Pada tahun 1927, beliau menjadi Bendahari dan Naib Yang DiPertua. Pada bulan April 1924 sehingga akhir tahun 1929 beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syarikat Bekerjasama bagi anak-anak Melayu yang berjawatan kerajaan di Negeri Sembilan.¹¹

Beliau juga merupakan pengarang dan pengurus kepada **Majalah Guru** sejak mula-mula diterbitkan iaitu pada bulan November 1924 sehingga akhir bulan Mei 1932 dan apabila majalah tersebut dipindahkan ke Kuala Lumpur, Encik Muhamad menjadi pembantu tetap dan beliau menyumbangkan karangannya setiap bulan. Selain daripada itu, beliau juga telah mengarang buku-buku bacaan untuk kanak-kanak darjah II dan III di sekolah-sekolah Melayu dan sebuah kitab bacaan Jawi bagi kanak-kanak darjah I. Beliau merupakan orang yang pertama mengatur dan mengeluarkan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu.¹²

¹¹ Ibid., hlm. 266.

¹² Ibid.

Encik Muhamad bin Dato' Muda merupakan seorang guru kelas khas yang telah menerima satu Sijil Kehormatan C.H. yang dianugerahkan oleh tuan yang terutama High Commissioner. Beliau telah bersara daripada jawatannya sebagai guru kelas khas dalam bulan Julai 1933. Beliau merupakan "Senior Instructor" yang dinilai di Kolej Matang selama 7 tahun dan telah menjadi guru kumpulan apabila kolej MPSI di Tanjung Malim ditubuhkan dan beliau telah dilantik menjadi Guru Penolong yang pertama. Sesungguhnya, jasa dan kepimpinan beliau yang memimpin **Majalah Guru** dalam masa yang begitu lama bukan satu perkara yang senang. Sepanjang majalah tersebut di bawah kelolaannya, penerbitannya tidak pernah terlewat dan sentiasa berjalan dengan baik. Ini merupakan satu kesungguhan beliau yang tidak dapat ditandingi memandangkan beliaulah pengarang, pengurus dan pengedarnya.¹³

Selain daripada menjadi pengarang **Majalah Guru**, beliau juga banyak menulis beberapa buah buku untuk sekolah Melayu. Di antaranya ialah **Chanai Bacaan** untuk kanak-kanak darjah satu di Singapura, Brunei dan Tanah Melayu. Di samping itu beliau juga menulis buku-buku untuk bacaan umum seperti **Teman Masa Lapang**, **Pantang Larang Orang-orang Melayu** untuk anak cucunya yang ditulis pada tahun 1948 tetapi yang lebih penting ialah **Tawarikh Surat Khabar** yang ditulis pada tahun 1940. Beliau telah meninggal dunia pada 7 Jun 1950 di Linggi Negeri Sembilan ketika usia 69 tahun.¹⁴

¹³ **Majalah Guru**, Ogos 1934, hlm. 283—284.

¹⁴ Ramlah Adam, **Maktab Melayu Melaka (1900-1922)**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 65-66.

Lampiran 6

Abdul Hadi bin Hasan

Beliau telah dilahirkan di Batang Tiga, Melaka. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Batang Tiga dan kemudiannya telah menjadi seorang guru pelatih disekolah tersebut.¹⁵ Pada 1 Jun 1912 beliau memegang jawatan kerajaan dengan menjadi "Pupil Teacher" di Sekolah Melayu Batang Tiga dan pada 1 Januari 1913 beliau telah bertukar ke Sekolah Melayu Bukit Rambai. Pada 1 Januari 1915 beliau menjadi "Extent Teacher" di Sekolah batang Tiga. Pada 17 Ogos 1917 beliau telah dihantar ke Kolej Melayu (Malay College) Melaka. Beliau telah lulus dalam peperiksaan akhir tahun pada 31 Mei 1919 dan mendapat sijil kelas pertama. Pada 1 Jun 1919 beliau dihantar bertugas sebagai Guru Penolong di Sekolah Bukit Rambai, kemudiannya pada 2 November 1919 beliau telah bertukar ke Sekolah Tanjung Keling. Mulai 23 Februari 1921 beliau dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Latihan Melaka, kemudiannya pada 20 Mac 1921 beliau bertukar ke Sekolah Lareh.¹⁶

Beliau kemudiannya telah dipilih sebagai guru di Maktab Melayu Melaka pada 1 November 1921 sehinggalah kolej tersebut dipindahkan ke Tanjung Malim pada 1 November 1922. Dalam hal ini, Abdul Hadi merupakan salah seorang daripada guru-guru Melayu yang telah dibawa berpindah bersama. Beliau mengajar

¹⁵ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka*, hlm. 82.

¹⁶ *Majalah Guru*, Julai 1933, hlm. 266-267.

Ilmu Tawarikh dan Bahasa Melayu. Beliau juga telah mengarang kitab **Sejarah Alam Melayu** (Penggal 1, II dan III) dan **Kitab Pelbagai Cetera Melayu** yang digunakan sebagai bahan bacaan di sekolah-sekolah Melayu. Apabila diwujudkan pasukan Volunteer (sukarela) di MPSI dalam tahun 1924, beliau merupakan salah seorang daripada pegawai yang memimpin dan menjalankan pasukan tersebut. Mulai 24 Mei 1929, beliau telah dilantik sebagai (Second) Leftenan dalam pasukan Volunteer NNMB yang hingga sekarang masih lagi tertinggal dalam pasukan rizabnya.¹⁷

Abdul Hadi kemudiannya dipinjamkan untuk bekerja di bawah kerajaan negeri Kelantan mulai 1 Oktober 1929 dan memegang jawatan Nazir Sekolah-sekolah Melayu dalam tempoh 3 tahun yang kemudiannya dilanjutkan kepada 2 tahun. Akan tetapi disebabkan oleh keuzuran kesihatannya, beliau tidak dapat menjalankan tugasnya dengan lanjut lagi. Oleh itu, atas permintaan beliau akhirnya kerajaan NNMB membenarkan beliau bersara lebih awal.¹⁸

Abdul Hadi merupakan seorang guru yang berjiwa patriotik. Beliau amat menyanjung kedudukan sejarah bangsanya. Oleh itu, sewaktu di MPSI beliau merupakan seorang guru sejarah yang terkenal. Minat yang mendalam dan rasa cintakan tanahair yang tersemat dijiwanya menyebabkan beliau telah menulis buku **Sejarah Alam Melayu**. Beliau juga telah mendorong anak-anak muridnya agar sentiasa meminati pelajaran Sejarah. Beliau berharap dengan adanya buku-buku yang berbentuk Sejarah akan dapat memperkayakan lagi pengetahuan masyarakat tentang sejarah Melayu. Minat beliau mengarang buku-buku teks sejarah Melayu

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

adalah atas kesedaran beliau bahawa terdapat pernyataan salah yang boleh mengelirukan pembaca terutamanya penulisan sejarah Tanah Melayu yang telah ditulis oleh bangsa asing. Dalam hal ini, beliau tidak bersetuju dengan kenyataan yang telah dibuat oleh R.O. Winstedt dalam bukunya **History of Malaya** (yang telah dijadikan sebagai buku teks sejarah di Maktab Melayu Melaka) yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tulen hanyalah 3 perkataan sahaja iaitu paku, besi dan padi.¹⁹ Oleh itu kehadiran buku **Sejarah Alam Melayu** yang telah ditulis oleh beliau akan dapat memperjelaskan kebenaran dalam sejarah Tanah Melayu.

Abdul Hadi menyedari akan kelemahan dan kemunduran bangsanya, Melayu . Justeru itu, beliau memandang negeri-negeri yang maju sebagai "Role Model" untuk memajukan bangsanya. Dalam hal ini, beliau sering menyarankan agar murid-muridnya mempelajari sejarah negeri tersebut dan cuba mengambil iktibar apa yang mereka lakukan untuk membentuk sebuah negara dan bangsa yang maju. Semangat kebangsaan yang menular dalam jiwa Abdul Hadi ini banyak dipengaruhi oleh pergaulan dan pembacaan beliau yang meluas dengan para pelajar daripada Indonesia. Beliau menyedari hanya melalui buku-buku sahaja yang dapat dijadikan bahan untuk menyampaikan idea kebangsaan kepada penuntutnya. Justeru itu, beliau bersama-sama dengan rakan-rakannya daripada maktab tersebut iaitu Encik Yusuf telah membuka sebuah kedai buku yang dinamakan AMHY Book Store Co. Beliau menjual buku-buku di kedai ini dengan harga yang murah.²⁰

¹⁹ Ramlah Adam, **Maktab Melayu Melaka**, hlm. 84.

²⁰ *Ibid.*, hlm. 85

Usaha Cikgu Abdul Hadi ini telah diteruskan pula oleh Haji Buyong bin Adil yang telah mengarang kitab **Sejarah Alam Melayu IV** dan **Sejarah Alam Melayu V**. Malahan daripada asuhan beliau juga beberapa orang penuntutnya seperti Ibrahim Yaakub, Karim Rasyid dan Hassan Manan telah mengikuti jejak beliau melanjutkan usaha memperjuangkan bangsa dan tanahair daripada penjajah.²¹ Rupa-rupanya kegiatan Abdul Hadi telah dapat dihidu oleh kerajaan British. Oleh itu beliau telah dilantik sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu di Kelantan. Apatah lagi idea-idea kebangsaan Abdul Hadi ini telah dikembangkan oleh para penuntutnya di mana Ibrahim Yaakub dan rakan-rakannya telah menubuhkan Parti Nasional Indonesia pada tahun 1928 dan bergerak cergas di kalangan penuntut di sana. Semasa menjadi Nazir di Kelantan beliau telah mengubah cara dan corak pendidikan di sana terutamanya dalam tugas perguruan. Ini memandangkan didapati guru-guru di sesetengah tempat pada waktu itu tidak mengerti akan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru. Usaha beliau tidak sia-sia apabila di Kelantan telah didirikan sebuah sekolah yang dinamakan Sekolah Abdul Hadi sebagai mengenang jasa-jasa beliau. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1937 akibat penyakit batuk kering ketika berusia 31 tahun.²²

²¹ Ibid.

²² Ibid., hlm. 86.

Lampiran 7

Muhammad Yassin Ma'amor (Punggok)

Beliau telah dilahirkan pada tahun 1910 di Brickfields, Kuala Lumpur. Berasal dari negeri Selangor dari waris Biduanda waris Datuk Engku Ulu Langat, Selangor. Beliau telah menjadi guru pelatih pada 1 Januari 1928 sehingga 31 Disember 1928. Mulai 1 Januari 1929 sehingga 31 Disember 1931 beliau telah memasuki MPSI dan mendapat pangkat satu. Atas kejayaan ini, beliau telah mendapat hadiah Haji Abdul Jalil sebanyak \$250.00 dan hadiah Mohd. Jaafar sebanyak \$25.00 iaitu hadiah terbaik dalam bahasa Melayu.²³

Beliau mula menceburi dunia penulisan sejak belajar di MPSI lagi. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarang kepada **Majalah Guru** pada bulan Mac 1934. Pada peringkat awal ini beliau menerbitkan 5 buah sajak. Sewaktu di MPSI lagi dan semenjak menceburi dunia bidang penulisan, beliau telah pun menggunakan nama samarannya iaitu "Punggok." Beliau telah memenangi peraduan Pantun Berkait dalam tahun 1930 dengan menggunakan nama samarannya iaitu "Punggok." Pembacaan beliau yang meluas terhadap bahan-bahan bacaan daripada Indonesia seperti **Panji Pustaka**, **Pedoman Masyarakat**, **Pujangga Baru**, **Seruan Azhar** dari Mesir, **Pewartu Deli** (suratkhabar) dan sebagainya telah banyak mempengaruhi pemikiran dan corak penulisan beliau sebagai penulis dan wartawan.

²³ Abdul Ghaffar Ibrahim, "Muhamamd Yassin Ma'amor (Punggok)," *Dewan Masyarakat*, Oktober 1970, hlm. 48.

Selain daripada menjadi seorang pengarang, beliau juga banyak menulis sajak, pokok dan puisi.²⁴

Beliau menyedari bahawa dalam akhbar dan majalah anak negeri pada masa itu memuatkan terlalu banyak pantun dan syair. Oleh itu beliau cuba untuk membuat pembaharuan dalam tradisi penulisan kesusasteraan Melayu dengan menulis sajak dan puisi sebagai satu benda baru dengan memperkenalkan puisi bentuk moden. Menurut beliau, pada tahun-tahun 1930-an, negara ini masih lagi berada di bawah pemerintahan British. Pada zaman penjajahan, kebebasan bersuara adalah terhad, apatah lagi suara-suara rakyat yang keras yang menyedarkan rakyat untuk menuntut kemerdekaan. Namun begitu semangat kental yang ada di dalam diri beliau untuk menghalau penjajah, perjuangan mesti diteruskan. Bangsa Melayu mesti diberitahu tentang mustahaknya mempunyai semangat untuk menghapuskan kekuasaan bangsa asing khususnya penjajah British. Dalam hal ini, menurut beliau perjuangan untuk menentang British ini telah diteruskan oleh guru-guru Melayu di mana guru-guru Melayu pada waktu itu menjadi orang perjuangan. Bagi mereka, Tanah Melayu mesti dimerdekakan daripada penjajah.²⁵

Perjuangan guru-guru Melayu dalam menentang penjajah ini tidak mendapat apa-apa habuan ataupun pangkat. Dalam hal ini orang yang berpelajaran Melayu tetap berada di situ juga dan tidak ada yang mendapat pangkat tinggi. Pada hal merekalah pejuang-pejuang dan apabila telah merdeka, orang yang berpelajaran Inggeris yang duduk diam sewaktu penjajahan dahulu yang mendapat pangkat yang tinggi-tinggi sedangkan mereka ini takut berjuang dan yang masuk penjara ini adalah

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid., hlm. 25.

guru-guru Melayu. Beliau pernah dipenjarakan oleh British kerana ketajaman pena beliau melalui sajak yang memberi semangat dengan cara yang halus kepada bangsa Melayu. Keadaan ini menggambarkan peranan sastera dalam menyedarkan bangsa Melayu.²⁶

Dalam penulisan sajaknya, beliau cuba memberikan makna yang lebih luas berbanding dengan pantun yang sempit maksudnya. Sajak yang ditulis oleh beliau adalah merupakan cantuman bait gurindam, seloka, pantun dan syair. Bagi beliau, sajak adalah penting sebagai alat untuk memberi kesedaran ke arah kemerdekaan.²⁷ Sajak-sajak beliau merupakan satu pemberontakan sistem lama pantun dan syair dan ada sajak-sajak beliau yang telah diterjemahkan daripada bahasa Arab.²⁸

Menurut beliau, orang yang mula-mula menyedarkan orang Melayu tentang kemerdekaan Tanah Melayu ini ialah kaum guru-guru Melayu, bukan dari golongan yang berpendidikan Inggeris. Orang yang seperti Dato' Onn adalah sedikit, guru-guru Melayulah yang paling ramai. Malahan beliau mengatakan orang perjuangan (guru-guru Melayu) kebanyakannya menerima nasib malang. Ini dapat dilihat di mana guru-guru Melayu seperti Ibrahim Yaakub, Hassan Manan, Karim Abdul Rashid telah lari ke Indonesia kerana diburu oleh Inggeris. Karim Abdul Rasyid misalnya pernah menjadi Duta Indonesia ke Thailand dan Filipina. Inilah di antara tokoh-tokoh guru Melayu yang berjuang dan hilang dari negara ini.²⁹

²⁶ Ibid.

²⁷ *Majalah Guru*, Mac 1936, hlm. 4.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

Menurut beliau lagi, bangsa Melayu pandai mendapatkan sesuatu tetapi tidak pandai untuk memahirkannya. Contoh yang diberikan oleh beliau ialah orang Melayu sudah mendapatkan Singapura tetapi malang mereka tidak tahu untuk memeliharanya dan bangsa Melayu sudah ada balai-balai raya di kampung-kampung tetapi telah didiami oleh kambing. Orang Melayu juga sudah mendapat Mat Kilau dan sepatutnya dimakamkan di Masjid Negara. Bagi beliau hanya Mat Kilau sahajalah Pahlawan Melayu yang masih hidup selepas merdeka. Beliau mempunyai dua orang isteri, berkahwin pada tahun 1934 dan bercerai pada tahun 1937. Beliau tidak mempunyai anak dalam perkahwinannya yang kedua pada tahun 1940.³⁰

Walau bagaimanapun, peranan beliau dalam bidang penulisan khususnya dalam bidang penulisan puisi untuk menyedarkan dan menyebarkan idea kebangsaan Melayu amat besar pengaruhnya. Seorang penulis mengatakan penulisan puisi beliau adalah sebagai:

[P]uisinya adalah belaian rasa yang sepiantas lalu adalah alun perasaan muda bercinta, tetapi hakikatnya penuh sedar dalam kemampuan zaman, Punggok merakamkan cita-cita zamannya yang memercikkan api penentangan dan anti penjajahan Inggeris. Dan penyair pemberi jalan kepada puisi moden ini pernah masuk penjara di bawah penjajahan Inggeris.³¹

Semasa beliau berada di MPSI, Punggok juga telah menerbitkan sebuah novel yang bertajuk **Suka dan Duka**. Novel ini yang mengisahkan tentang percintaan dan perkahwinan paksa di antara teruna dan dara yang sejak kecil lagi telah tinggal berjiran dan apabila dewasa menjalankan hubungan cinta secara sulit yang akhirnya

³⁰ Ibid.

³¹ Keratan akhbar "Muhammad Yassin Ma'amor" dalam SP 94/C/34, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

dapat dihidu oleh kedua-dua orang ibu bapa si dara. Justeru itu, si dara telah dipaksa berkahwin dengan seorang guru agama yang telah lanjut usianya.³²

Semenjak beliau menceburkan diri dalam bidang penulisan dan secara tidak langsung turut terlibat dalam bidang kewartawanan dan pengarang **Majalah Guru**, dalam tempoh 1932-1938. Punggok telah banyak memberikan sumbangan dalam memartabatkan dan mempopularkan sajak Melayu. Malahan ekoran daripada usaha beliau inilah sajak Melayu telah dapat dikembangkan di kalangan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini.

³² Jaafar H.S., "Muhamamd Yassin Ma'amor," *Dewan Masyarakat*, Jun 1972 hlm. 3.

Lampiran 8

Ahmad Abdullah (Ahmad Bakhtiar)

Beliau dilahirkan pada 2 Januari 1902 di Kajang Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Perak dan Selangor. Selepas itu beliau bekerja dengan Raja Sir Uda di Pejabat Daerah Kajang dan pada tahun 1917, beliau telah memasuki Maktab Melayu Melaka. Di sini, beliau merupakan seorang penuntut yang bijak kerana telah mendapat sijil pertama dan Hadiah Mohd Jaafar.³³

Sepanjang kerjayanya sebagai seorang guru, beliau sangat meminati seni, oleh kerana itu, beliau menggemari muzik dan seni lukis. Minat beliau dalam seni lukis ini dapat dilihat apabila beliau menjadi salah seorang daripada anggota pancaragam Maktab.³⁴ Selain daripada itu, beliau juga amat meminati bidang penulisan yang akhirnya telah menaikkan nama beliau dalam bidang persuratan dan kesusasteraan Melayu. Sejak berada di sini, beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Cikgu Buyong Adil yang merupakan seorang guru sejarah di MPSI.³⁵ Minat beliau dalam bidang sejarah ini timbul hasil daripada pembacaan beliau yang banyak tentang kisah-kisah sejarah dan syair-syair Melayu. Atas nasihat Buyong Adil, beliau telah banyak menulis karya-karya yang berbentuk sejarah. Minat beliau terhadap penulisan sejarah ini digambarkan Buyong Adil sebagai:

³³ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka (1900-1922)*, hlm. 87.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

[C]ikgu Ahmad sering bertanyakan tentang kisah-kisah sejarah kepada saya yang kebetulan saya memanglah guru sejarah di Kolej. Kerana Cikgu Ahmad begitu berminat tentang kisah-kisah sejarah ini, lalu pada suatu hari saya mencadangkan agar beliau menulis buku-buku cerita yang dijalin dari kisah-kisah sejarah roman sejarah. Cikgu Ahmad tertarik dengan cadangan saya itu..³⁶

Dalam penulisananya, beliau menggunakan nama samaran iaitu Ahmad Bakhtiar. Nama pena tersebut dipilih berdasarkan kepada nama sebuah hikayat Melayu lama iaitu "Hikayat Bakhtiar." Beliau amat meminati karya tersebut. Ini ada kaitan minat beliau kepada karya-karya sejarah. Selain daripada itu, beliau juga turut dikenali dengan nama "Cikgu Mat Hitam." Semasa menjadi guru di MPSI, beliau juga turut terkenal sebagai seorang guru yang peramah di mana beliau sentiasa bermesra dan bergaul dengan para penuntutnya dan suka berjenaka serta terkenal dengan kebolehan beliau sebagai seorang ahli muzik.³⁷

Antara karya berbentuk sejarah yang pernah ditulis oleh beliau ialah **Darah Melaka, Keris Melaka, Korban Keris Melaka, Rahsia Keris Putih, Falsafah Hang Tuah, Melayu Ta'kan Hilang, Udin Era, Rahsia Keris Melayu, Puteri Pertiwi, Panah Beracun, Lelehan Air Mata Duyung, Kerana Tun Jemala, Hujan Darah di Selat Melaka, Kerana Ilmu Pelimau, Perwira Bentan, Keris Putih, Siapakah Dapat dan Puteri Gunung Ledang.** Kebanyakan karya tersebut adalah berdasarkan kepada kitab **Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah.**³⁸

³⁶ Buyong Adil, Haji "Ahmad Bakhtiar Menurut Haji Buyong Adil" dalam Drs. J.U. Nasution, "Ahmad Bakhtiar: Pengarang Aneka Ragam," **Dewan Sastera**, Mei 1972, hlm. 5.

³⁷ Ibid.

³⁸ Ramlah Adam, **Maktab Melayu Melaka (1900-1922)**, hlm. 89.

Selain daripada menulis buku-buku yang berbentuk sejarah beliau juga turut menerbitkan sebuah buku bacaan bagi kanak-kanak yang dinamakan **Nyanyian Kanak-kanak** yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Karang Mengarang MPSI. Dalam buku tersebut terkandung semua jenis nyanyian kanak-kanak Melayu yang telah dikumpulkan oleh beliau sejak tahun 1923.³⁹ Semua jenis nyanyian turun-temurun tersebut adalah daripada nenek moyang Melayu dahulu.

Selain daripada menulis buku untuk kanak-kanak, Ahmad Bakhtiar juga turut menulis buku untuk orang dewasa. Antaranya ialah buku yang bertajuk **Memilih Jodoh** yang diterbitkan pada tahun 1939. Buku ini ditulis untuk memberi panduan kepada golongan muda dalam memilih jodoh. Persoalan yang dibawa adalah berdasarkan ajaran Islam, Al-Quran, Hadis, Syair Melayu dan Arab. Buku-buku lain seperti **Bujang Seumur Hidup**, **Rahsia Seorang Gadis** dan **Bunga Tanjung Mala Setahun** yang semuanya diterbitkan dalam tahun 1936.⁴⁰

Sewaktu Tanah Melayu berada dalam zaman perang iaitu pada tahun 1940, MPSI telah dipindahkan ke Kuala Kangsar. Oleh itu, Cikgu Ahmad dan guru-guru MPSI yang lain terpaksa berpindah ke sana. Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, Cikgu Ahmad dan rakan-rakannya melarikan diri ke Negeri Sembilan. Apabila perang tamat, pada tahun 1946, beliau telah kembali semula ke MPSI dan

³⁹ *Majalah Guru*, November 1938, hlm. 413.

⁴⁰ Drs. J.U. Nasution, "Ahmad Bakhtiar," hlm. 4.

kemudiannya dilantik menjadi Guru Besar, dan bersara dalam tahun 1954. Beliau meninggal dunia pada 4 Ogos 1961.⁴¹

⁴¹ Ibid., hlm. 53.

Lampiran 9

Muhamad Yusuf bin Ahmad (Jentayu)

Beliau dilahirkan pada tahun 1913 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Bapa beliau iaitu Ahmad bin Ibrahim merupakan seorang petani. Yusof bin Ahmad merupakan adik kepada Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Muhamad Yusof mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu antara tahun 1907-1912. Beliau kemudiannya menjadi guru pelatih di Kuala Jempol sehingga tahun 1913. Beliau kemudiannya memasuki Maktab Perguruan Melaka pada tahun 1914-1916. Selain daripada itu, beliau juga pernah memasuki MCKK ketika berusia 16 tahun. Minat beliau untuk memasuki sekolah Inggeris atas galakan abangnya iaitu Za'ba. Semasa di MCKK, beliau telah bercampur-gaul dengan cerdik pandai seperti Raja Tun Uda, Tuan Haji Abdul Malik, Tengku Abdul Rahman, Dato' Hamzah dan lain-lain lagi.⁴²

Apabila beliau ditawarkan untuk memasuki pendidikan Inggeris, beliau bercita-cita untuk memegang jawatan dalam pentadbiran Melayu setelah memasuki "Special Malay Class." Sebelum beliau sempat menamatkan pelajarannya, R.O. Winstedt telah menawarkan kepada beliau jawatan sebagai Penolong Pengarah Pelajaran NNMB dan NNS untuk berkhidmat dalam Malay Education Service. Beliau akhirnya dilantik menjadi Penolong Nazir Sekolah Melayu oleh R.O.

⁴² Noor Suhana binti Zamhuri, "Profil Muhamad Yusof Ahmad: Fokus Perjuangannya Menerusi Majalah Guru," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1986/87, hlm. 9.

Winstedt. Sebagai seorang Penolong Nazir, kebijaksanaan dan kesungguhan beliau telah dianggap sebagai British Inspector of School.⁴³ Jawatan yang dipegang oleh beliau ini merupakan suatu jawatan yang tertinggi sekali yang pernah dipegang oleh orang Melayu dalam Jabatan Pelajaran.

Beliau juga merupakan salah seorang daripada penganjur **Majalah Guru** yang diterbitkan pada tahun 1924 bersama-sama dengan sahabatnya yang lain antaranya ialah Haji Muhamad Sidin, Dato' Muda dan Abas Ali. Peranan Muhamad Yusof dalam **Majalah Guru** dapat dilihat dalam sumbangan buah pena dengan menggunakan nama samaran iaitu Anaknegeri, Melor dan MY.⁴⁴

Beliau menyedari akan kepentingan pendidikan Inggeris. Oleh itu, sewaktu beliau menyandang jawatan Nazir Sekolah-sekolah Melayu Selangor, beliau berperanan memberikan peluang kepada anak-anak Melayu untuk mendapatkan pendidikan Inggeris di sekolah-sekolah Inggeris yang telah didirikan oleh British di bandar-bandar. Selain daripada itu, beliau juga turut berusaha mengubah sikap ibu bapa Melayu yang memandang pendidikan Inggeris sebagai sesuatu yang tidak berguna.

Muhamad Yusof merupakan seorang penulis guru yang banyak menyumbangkan tenaganya untuk memajukan bangsa Melayu. Beliau juga dapat dikategorikan sebagai salah seorang daripada penyemai semangat kebangsaan Melayu. Jika dilihat secara luaran, beliau tidak terlibat secara langsung dengan mana-mana pergerakan dan pertubuhan politik, tetapi beliau lebih banyak menyumbangkan

⁴³ Ibid., hlm.

⁴⁴ Ibid.

pemikiran-pemikiran politik melalui penulisan atau buah pena beliau yang disumbangkan dalam **Majalah Guru**.⁴⁵

Pemikiran politik Muhamad Yusof lebih banyak tertumpu kepada menyedarkan bangsa Melayu pada hak-hak mereka dan ancaman bangsa asing (Cina dan India). Dalam hasil-hasil tulisannya, Muhamad Yusof cuba menanamkan perasaan cintakan tanahair, mempertahankan hak-hak orang Melayu, bahasa dan pendidikan orang Melayu. Tetapi apa yang cuba dijelaskan oleh beliau kepada orang Melayu ialah adanya ancaman yang paling besar iaitu bangsa asing. Antara rencana-rencana yang berbentuk politik yang telah ditulis oleh beliau dalam **Majalah Guru** ialah “Negeri Melayu Bukannya Crown Colony”, “Bangsa Asing Menuntut Masuk ke Dalam Jawatan Memerintah Negeri”, “Tanahair Kita”, “Melayu dan Malayan” dan sebagainya.

Minat beliau yang mendalam terhadap bidang penulisan ini ekoran daripada adanya pendedahan terhadap buku-buku bacaan karya penulis Barat sewaktu beliau berada di MPSI. Antaranya ialah seperti Sir Walter Scott, Dickens, Arnold Bennet, George Benard Shaw dan Dr. Mary Stope. Sebelum beliau menulis dalam **Majalah Guru**, beliau telah banyak menulis dalam **Utusan Melayu**. Antara karya beliau yang terkenal ialah “Percintaan Lady Brazil” dan “Cubaan kasih” yang merupakan cerita saduran daripada sastera Inggeris. Selain daripada itu, terdapat beberapa cerita benar yang pernah dilalui oleh beliau sendiri dan diadaptasikan dalam penulisan seperti

⁴⁵ Ibid.

cerita "Zaman Sari", "Mencari Isteri" dan "Siti Maznah."⁴⁶

Selain daripada itu, beliau juga telah banyak menulis sajak. Sajak beliau yang mula-mula sekali diterbitkan ialah "Menungan Hati"⁴⁷ yang telah diciptanya sendiri. Sajak tersebut ialah:

Menungan Hati

Apakah tertulis di awan biru
Di bunga di daun setiap penjuru
Apa dinyanyikan oleh pohon ru
Di tepi pantai sayup menderu?

Ombak menyeru apa bendanya
Guru yang sayu apakah halnya
Bayu berpuput ke mana halnya
Burung berbunyi apa katanya

Apakah sebab gunung yang tinggi
Fajar menyingsing ketika pagi
Tanjung dan pulau kolam perigi
Sudah dipandang, dipandang lagi

Apakah sebab bulan dan bintang
Kilat memancar pelangi merentang
Sinar Sham pagi dan petang
Sudah dilihat lagi ditentang?

Apa sebabnya kasih tercinta
Menyusahkan hati melemah anggota
Hiba termenung merasa leta
Sudah ditanggung lagi dicinta?

⁴⁶ Syed Jaafar, "Muhamad Yusof Ahmad Mengenang Masa Silamnya," dalam *Dewan Sastera*, Jun 1972, hlm. 4-5.

⁴⁷ *Majalah Guru*, Disember 1933.

Beliau juga merupakan orang Melayu pertama berjaya memegang jawatan Pesuruhjaya Pengakap Tanah Melayu. Selain daripada itu, beliau juga telah berjaya memenangi pengurniaan kehormat Pengakap seperti Pingat Anak Serigala Perak (The Silver Wolf). Manakala pada tahun 1940, beliau telah dilantik menjadi Penolong Pengetua Melayu MPSI.⁴⁸

⁴⁸ Wan Hashim Wan The, *Memoir Shaharom Husain*, hlm. 122.

Lampiran 10

Ibrahim Yaakub

Beliau dilahirkan di sebuah kampung di Temerloh, Pahang dalam tahun 1911. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Temerloh. Beliau memasuki MPSI pada tahun 1929 selama 3 tahun. Beliau pernah memimpin sekumpulan penuntut seramai 35 orang yang telah mendapat inspirasi politik dari gerakan kebangsaan di Indonesia. Beliau mahu melahirkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu dengan pembentukan Melayu Raya. Semasa di MPSI beliau telah terpengaruh dengan bahan-bahan bacaan dari Indonesia dan juga pelarian-pelarian politik serta nasionalis begitu kuat mempengaruhi pemikiran politik beliau.⁴⁹

Setelah keluar daripada maktab tersebut dalam tahun 1931, Ibrahim Yaakub telah bekerja sebagai seorang guru di sebuah sekolah di Bentong, Pahang selama tiga tahun. Dalam tahun 1934, beliau telah berjaya mendapat jawatan sebagai penganjur Bahasa Melayu di Pusat Latihan Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang telah membawa beliau ke Kuala Lumpur dan ke tengah-tengah medan percaturan politik dan kemasyarakatan. Beliau memegang jawatan tersebut selama 3 tahun. Selama berada di Kuala Lumpur, semangat beliau untuk bergiat dalam politik telah timbul kembali dalam dirinya. Apabila bertemu kembali dengan rakan-rakannya semasa di MPSI dahulu, kegiatan menentang British telah kembali aktif. Pada masa ini, beliau telah berkali-kali diberi amaran oleh ketuanya kerana disyaki menjalankan tindakan-

⁴⁹ W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 219-220.

tindakan yang bersifat politik untuk menentang kerajaan British. Ini memandangkan pada masa ini beliau banyak menulis rencana-rencana politik dalam suratkhbar anak negeri. Beliau mempunyai minat yang mendalam terhadap politik dan bercita-cita untuk membebaskan bangsa Melayu dan tanahairnya daripada cengkaman penjajah demi membela nasib bangsa Melayu. Akhirnya pada tahun 1938, beliau telah meninggalkan bidang perguruan dan telah menjadi Penolong Pengarang akhbar **Majlis** bersama-sama dengan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako).⁵⁰

Pada masa yang sama juga, beliau dan rakan-rakannya telah membentuk Kesatuan Melayu Muda. Ibrahim telah menjadi pengarang akhbar **Majlis** dari bulan November 1939 sehingga penghujung tahun 1941. Dengan bantuan daripada Jepun, beliau telah membeli akhbar **Warta Malaya** untuk meluaskan cita-citanya menentang British.

Ibrahim Yaakub bolehlah dikategorikan sebagai seorang guru Melayu yang bersemangat patriotik dan berjiwa kebangsaan Melayu. Beliau menyedari keadaan bangsanya yang tertindas dan mundur disebabkan oleh kerana tiadanya ikhtiar daripada golongan feudal Melayu. Tambahan pula sikap penjajah British yang tidak begitu menghiraukan bangsa Melayu telah memundurkan lagi bangsa Melayu. Justeru itu, ditubuhkan parti politik seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang tidak mahu bekerjasama dengan pemerintah British dan berjuang dengan sendiri untuk membebaskan tanahair.

⁵⁰ Ibid.

Ibrahim Yaakub juga boleh dikatakan sebagai pelopor kepada gerakan menentang penjajah di Tanah Melayu. Selain daripada menjadi pengarang akhbar **Majlis**, beliau juga telah banyak menulis buku-buku yang merupakan pengalaman dan perjalanan yang telah dilakukan oleh beliau yang pernah mengelilingi dan menjajah seluruh negeri-negeri di Tanah Melayu. Antara buku-buku yang ditulis oleh beliau ialah **Melihat Tanah Air dan Sejarah dan Perjuangan di Malaya**. Beliau menggunakan nama penanya seperti IBHY, Silawatan dan I.K. Agastja. Lain-lain penulisan beliau kebanyakannya didapati dalam akhbar **Majlis** dan **Warta Malaya**.

Lampiran 11

Zainun binti Sulaiman (Ibu Zain)

Zainun binti Sulaiman atau lebih dikenali dengan nama Ibu Zain dilahirkan pada 22 Januari 1903 di kampung Nyalas, Melaka. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Tuan Haji Amin bin Ahmad pada 16 Mac 1934 di Mekah dan telah memperolehi 3 orang anak. Pendidikan awal yang diterima oleh beliau ialah bersekolah tadika di sebuah taman kanak-kanak yang dikendalikan oleh Paderi Shellabear. Kemudian menyambung pendidikannya ke Sekolah Rendah Perempuan Methodist Kampung Belanda. Seterusnya beliau berpindah ke Pasoh Jaya Waras dan pada tahun 1920, beliau membuka sebuah taman kanak-kanak. Pada tahun 1921, beliau telah berpindah ke Muar untuk memajukan sekolah perempuan Bandar Maharani dan seterusnya menjadi Guru Probationer di situ. Selepas enam bulan kemudiannya, beliau telah dilantik sebagai Guru Besar sekolah Perempuan Bandar Maharani sehingga tahun 1926.⁵¹

Pada tahun 1926, beliau dilantik menjadi Guru Pelawat Sekolah-sekolah Perempuan Batu Pahat dan Muar dan seterusnya pada tahun 1927, beliau telah dilantik menjadi Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan seluruh negeri Johor. Selain daripada itu, Ibu Zain juga telah mengusahakan sekolah-sekolah agama yang diadakan di sebelah sebelah petang dan seterusnya telah menjadi penyelia sekolah

⁵¹ "Ibu Zain," Panduan Koleksi Surat-surat Persendirian, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 195.

tersebut pada tahun 1929. Sejak kecil lagi, Ibu Zain telah mendapat pendidikan Inggeris dan agama, daripada bapanya yang merupakan seorang Munshi. Melalui bapa beliau juga, beliau telah mendapat semangat dan sumber inspirasi untuk memajukan bangsa Melayu dan seterusnya wanita Melayu. Pendidikan yang telah diterima oleh beliau menyebabkan beliau bertanggungjawab untuk memimpin dan membangunkan bangsa Melayu.

Pada tahun 1930, Ibu Zain telah menubuhkan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor dan beliau sendiri menjadi Yang DiPertuanya selama 19 tahun. Selain bergiat aktif dalam bidang pendidikan, Ibu Zain juga turut bergiat dalam bidang penulisan, khususnya pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Beliau turut bertanggungjawab menerbitkan majalah bulanan **Bulan Melayu**. Ibu Zain juga turut aktif menulis dalam majalah-majalah lain seperti **Lembaran Guru**, **Cenderamata**, **Majalah Guru**, **Tanah Melayu** dan **Saudara**.⁵²

Kedua-dua orang ibu bapa Ibu Zain mempunyai fikiran yang terbuka dan menyedari akan kepentingan pendidikan. Oleh itu, mereka percaya bahawa anak-anak mereka harus diberi pelajaran yang secukupnya dalam bidang-bidang yang tertentu supaya mereka menjadi individu yang terdidik dan berilmu. Kesedaran terhadap pentingnya pendidikan kepada anak-anak ini memandangkan ayah beliau merupakan seorang pendidik di Kolej Latihan Guru Melayu Melaka pada suatu ketika dahulu. Oleh itu dapat dilihat ketika orang Melayu masih lagi ragu-ragu tentang pendidikan yang diperkenalkan oleh British, Ibu Zain telah dihantar oleh ibu bapanya belajar di Sekolah Methodist Perempuan Rebecca di Melaka pada tahun 1920.

⁵² Dupa Sejarah Penulisan Wanita Masa Lampau, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1922.

Ekoran daripada itu, beliau telah menjadi anak perempuan Melayu kedua yang memasuki sekolah Inggeris pada masa itu. Tetapi apa yang telah berlaku kepada anak-anak perempuan Melayu yang lain hanyalah mendapat pendidikan keagamaan melalui sekolah-sekolah pondok yang biasanya dikendalikan oleh seorang guru agama.⁵³

Semenjak kecil lagi Ibu Zain telah ditanamkan dengan semangat perjuangan dan semangat kebangsaan oleh kedua-dua orang ibu bapanya. Pendidikan agama yang telah diberikan oleh ayahnya dan pendidikan barat yang diterimanya telah memberikan beliau asas-asas kepimpinan, mencorakkan personaliti, tingkah laku, pemikiran dan daya kepimpinan dalam diri beliau.⁵⁴

Hasil kesedaran beliau untuk memajukan bangsa Melayu, antara tahun 1916-1921, Ibu Zain telah membuka sebuah sekolah untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan atas perbelanjaan beliau sendiri hasil daripada pendapatannya mengambil upah menaip cerita-cerita bahasa Melayu tulisan jawi kepada tulisan rumi. Seterusnya beliau melibatkan diri dalam bidang pendidikan dan telah menjadi guru di beberapa buah Sekolah Perempuan Melayu sehingga tertubuhnya Kolej Puteri Ampuan Mariam pada tahun 1963.⁵⁵

⁵³ Mahfudzah Haji Mustafa, "Kepimpinan Politik, Pengalaman Ibu Zain," dalam Seminar Kedudukan, Citra dan Identiti Wanita: Zaman Kolonial, 14-15 Julai 1998, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 4.

⁵⁴ Ibid., hlm. 15.

⁵⁵ Ibid.

Kerjaya perguruan beliau telah diperluaskan lagi apabila beliau dilantik menjadi Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Negeri Johor dan mengetuai Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu dan Agama Negeri Johor. Usaha beliau untuk memajukan bangsanya diteruskan lagi di mana banyak sekolah-sekolah perempuan telah ditubuhkan dan usaha beliau ini tidak sia-sia memandangkan beliau telah berjaya mengubah sikap ibu bapa Melayu supaya anak-anak perempuan mereka diberikan pendidikan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Beliau percaya di kalangan masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 masih lagi berpegang kepada adat dan kepercayaan lama. Jadi untuk mengubah pemikiran dan persepsi masyarakat agar berfikiran maju khususnya di kalangan wanita Melayu, beliau telah menerbitkan majalah **Bulan Melayu** agar perjuangan untuk memajukan kaum wanita Melayu dapat diperkembangkan lagi.⁵⁶ Melalui penulisan yang telah beliau jalankan sama ada dalam **Bulan Melayu**, **Cenderamata**, **Lembaran Guru** dan **Majalah Guru** semuanya adalah berkisar kepada kewajipan dan peranan wanita Melayu sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga, keperluan wanita kepada ilmu moden dan agama, wanita Melayu dalam bahasa dan penulisan, kesusasteraan, wanita Melayu dan budaya barat, penglibatan wanita dalam pertubuhan kebajikan, pendidikan untuk wanita dan nilai-nilai moral wanita Melayu. Kesemuanya ini telah terangkum dalam cogan kata Ibu Zain iaitu "Agama Dididik Moden Dibela."⁵⁷

⁵⁶ Ibid., hlm. 17.

⁵⁷ Ibid.

Ibu Zain sebagai mewakili kaum wanita pada masa penjajahan cuba untuk mengangkat kedudukan kaum wanita agar setanding dengan kaum lelaki dalam semua bidang yang kaum perempuan juga boleh melakukannya. Walau bagaimanapun, perjuangan untuk mengangkat kedudukan dan hak wanita ini tidak melebihi daripada garis-garis atau norma yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Dalam memperjuangkan kedudukan wanita ini menurut beliau:

[K]ita perempuan Melayu tidak hendak berlumba-lumba dengan sesiapa. Bukan kita hendak menyaingi bangsa barat dan tidak pula hendak meniru menurut orang Turki, Mesir dan sebagainya. Tetapi yang sebenarnya kita hanya hendak menunaikan atau menyempurnakan kewajipan diri kita.⁵⁸

Ibu Zain sebagai seorang wanita dan pendidik serta penulis, kehadiran beliau di tengah-tengah masyarakat yang masih berfikiran kolot merupakan satu cabaran kepada beliau sebagai pemimpin wanita secara amnya. Penglibatan beliau dalam pergerakan sosial dan penulisan membayangkan sikap dan cara pemikiran golongan pendidik wanita yang telah mengatasi zamannya. Sebagai seorang wanita yang telah dilahirkan dalam keluarga yang berpendidikan dan beliau sendiri sejak kecil lagi telah didedahkan dengan pendidikan Inggeris, pergaulan dengan kanak-kanak daripada pelbagai bangsa semasa di Kingdergarden dan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya telah menjadi pendidik, telah memberikan beliau idea untuk memajukan bangsa Melayu.

⁵⁸ Bulan Melayu, Ogos 1930, hlm. 62.

Dalam keadaan bangsa Melayu yang masih lagi berfikiran kolot terhadap kedudukan wanita, Ibu Zain telah bangun memperjuangkan kedudukan dan martabat wanita. Sebelum ini bukannya tiada golongan-golongan yang telah sedar akan kedudukan wanita Melayu ini tetapi tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh. Kehadiran Ibu Zain telah membuka era baru dalam menggerakkan dan membangunkan wanita Melayu menuju ke arah pemodenan.

Usaha beliau menubuhkan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor dan menerbitkan majalah **Bulan Melayu** bukanlah satu usaha yang sia-sia. Kesungguhan beliau untuk mengubah kedudukan wanita Melayu yang selama ini dipandang rendah oleh kaum lelaki dapat dilihat di mana, persekutuan ini sering mengadakan lawatan ke seluruh sekolah dan kampung di seluruh Semenanjung Tanah Melayu untuk menyedarkan kaum wanita Melayu. Perjumpaan dan mesyuarat yang diadakan dapat merapatkan lagi hubungan dan sekaligus beliau dapat menyebarkan idea-idea baru kepada wanita dan secara tidak langsung akan dapat memajukan pemikiran wanita pada masa itu. Ibu Zain sendiri telah banyak terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan kaum wanita di Indonesia yang telah lama memperjuangkan hak dan kedudukan wanita. Ibu Zain juga merupakan seorang peminat kepada perjuangan seorang tokoh pemodenan wanita Indonesia iaitu Raden Adjeng Kartini yang merupakan orang kuat dalam memperjuangkan emansipasi wanita di Indonesia.

Dengan terbitnya majalah **Bulan Melayu**, Ibu Zain dan rakan-rakannya dapat mencanai idea-idea kemajuan dengan lebih berkesan lagi. Apa yang menarik tentang majalah ini ialah ia tidak "bias" kepada mana-mana pihak walaupun pada zahirnya penerbitan majalah ini semata-mata majalah wanita kontemporari tetapi

ilmu-ilmu pengetahuan, teguran, nasihat dan sebagainya telah ditujukan kepada semua orang Melayu.

Lampiran 12

Harun Aminurrashid

Harun bin Mohamad Amin dilahirkan pada 8 Ogos 1907 di Teluk Kurau, Singapura. Ayahnya bernama Mukmin berketurunan Bali bekerja sebagai seorang pembawa kereta lembu dan tinggal di Teluk Kurau. Teluk Kurau pada masa itu merupakan sebuah kampung yang ramai dihuni oleh orang dari Indonesia yang mempunyai hubungan dengan Singapura. Ibu beliau bernama Alisah. Sewaktu beliau berusia 3 tahun, bapanya telah meninggal dunia dan beliau telah tinggal bersama-sama dengan neneknya dari sebelah ibunya. Sejak kecil lagi, beliau telah diasuh oleh neneknya Kasinah binti Haji Abdul Syukur yang juga berketurunan Bali. Sebelum pulang ke Makasar, datuknya Haji Daeng Ahmad telah berwasiat kepada nenek beliau supaya Harun diasuh membaca buku-buku Hikayat Melayu, menulis, taat kepada agama dan cintakan tanahair. Nenek beliau inilah yang telah bertanggungjawab membesarkan serta memberikan pendidikan yang secukupnya sehingga Harun membesar menjadi guru.⁵⁹

Beliau telah berumahtangga dengan Siti Raziah yang juga merupakan seorang guru. Perkahwinan beliau dengan Siti Raziah merupakan perkahwinan yang kedua setelah beliau berpisah dengan isteri pertamanya iaitu Saiman Norman. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan seramai 15 orang anak.

⁵⁹ Rohani binti Saharom, "HAR: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu," Latihan Ilmiah, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/89, hlm. 11-12.

Antara anak beliau yang telah mewarisi bakat penulisan beliau ialah Ahmad Nikmat, Amir Husaini dan Ammar Hassanuddin.⁶⁰

Sejak kecil lagi, Harun telah didedahkan dengan buku-buku kesusasteraan Melayu seperti **Syair Siti Zubaidah**, **Hikayat Amir Hamzah**, **Syair Isma Yatim** dan **Syair Gul Bakawali**. Keadaan ini menyebabkan timbul kesedaran di dalam diri Harun untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mendalam dan seterusnya memperkembangkannya. Minat Harun untuk membaca buku-buku tersebut juga adalah hasil asuhan dan galakan yang telah diberikan oleh neneknya yang berminat dengan hasil-hasil kesusasteraan Melayu. Nenek Harun tidak sahaja menggalakkan beliau membaca buku-buku kesusasteraan, tetapi juga atas usaha beliau, Harun telah dimasukkan ke Sekolah Melayu Kampung Gelam.⁶¹

Pendidikan awal yang telah diterima oleh Harun pada peringkat awal hanyalah pendidikan Melayu sahaja memandangkan neneknya tidak mampu untuk menghantar beliau ke sekolah Inggeris. Walau bagaimanapun, setelah beliau tamat Sekolah Rendah Kampung Gelam, beliau seterusnya memasuki Sekolah Melayu Teluk Kurau di Singapura sehinggalah beliau tamat darjah empat yang merupakan peringkat tertinggi dalam pendidikan Melayu pada masa itu. Apabila telah tamat sekolah rendah, beliau telah dilantik menjadi guru pelatih di sekolah tersebut. Selepas itu beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajarannya ke MPSI dari tahun 1924-1927. Walaupun beliau hanya mendapat pendidikan Melayu di sekolah rendah dan

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Ibid., hlm. 14.

di MPSI, tetapi telah cukup untuk membangkitkan semangat patriotisme dalam diri beliau untuk membela bangsa Melayu.⁶²

Setelah tamat pengajian di MPSI, beliau telah dilantik menjadi guru di Maktab tersebut selama lebih kurang 13 tahun iaitu dari tahun 1927-1939. Selama menjadi guru di Maktab tersebut, Harun dikenali sebagai seorang guru yang cekap, cergas dan bersemangat kebangsaan dan keadaan ini ditambah lagi dengan pengaruh beliau di Maktab tersebut terutama di kalangan guru-guru dan penuntutnya. Pada tahun 1938, beliau telah memberikan pidato yang berunsur politik kepada para penuntutnya. Tindakan Harun ini tidak disenangi oleh pihak Maktab, menyebabkan beliau telah dihantar ke Borneo Utara pada tahun 1939 dan memegang jawatan sebagai Penguasa Pelajaran di sana.⁶³ Seperti telah menjadi tradisi di MPSI, setiap hari Jumaat para guru akan memberikan syarahan-syarahan secara bergilir-gilir kepada para penuntut MPSI. Isu-isu seperti kemunduran Melayu telah menjadi topik utama pada waktu itu. Pada suatu masa apabila tiba giliran beliau, Harun telah memberikan syarahan seperti berikut:⁶⁴

⁶² Ibid., hlm. 16.

⁶³ Ibid., hlm. 18.

⁶⁴ Sundusia Rosdi, "HAR Dalam Sastera dan Sasterawan," *Persatuan Sejarah Malayasia*, 1980, hlm. 196, dipetik daripada Adi Mas, "Tiga Tokoh Penting MPSI," *Utusan Zaman*, 22 Julai 1973.

Tarikh Syarahan	Tajuk Syarahan
07 November 1927	Hasil Bumi Malaya
11 Januari 1928	Bangsa Melayu
19 April 1929	Kepandaian Melayu
24 Mei 1929	Perkara Yang Mesti Diketahui Oleh Anak Muda Melayu
02 Ogos 1929	Mesti Bersendiri
18 November 1929	Hidup Tolong-menolong
11 April 1930	Persatuan
08 Mei 1931	Manusia Dengan Ilmu
07 April 1934	Kalau Mahu Menjadi Wartawan
07 November 1934	Gelombang Hidup
16 April 1937	Riwayat Hidup

Selain bertugas sebagai seorang pendidik, Harun juga telah melibatkan dirinya dalam lapangan penulisan. Beliau mula menceburkan diri dalam bidang kreatif sejak tahun 1926 lagi. Harun telah menghasilkan lebih kurang 60 buah buku yang sebahagiannya adalah novel-novel yang boleh dibahagikan kepada 2 katogeri iaitu yang berunsur sejarah dan novel masyarakat seperti **Panglima Awang**, **Anak Panglima Awang** dan sebagainya. Sekitar tahun 1930-1939, beliau menulis sebanyak 19 buah cerpen. Cerpennya yang pertama berjudul **Cerita Si Jaafar** yang telah disiarkan dalam **Jasa** keluaran bulan Jun 1930. Selain daripada itu, beliau juga telah banyak menulis sajak-sajak yang berunsur kebangsaan Melayu khususnya dalam tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua. Novel beliau sebelum perang yang paling terkenal ialah **Melor Kuala Lumpur**, yang telah diterbitkan dalam tahun 1930. Novel beliau ini bukanlah merupakan sebuah novel yang pertama yang telah membincangkan masalah pemuda dan pemudi zaman moden yang pernah diterbitkan di Tanah Melayu. Sebelum ini telah ada **Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan**

karangan Ahmad bin Kotot dalam tahun 1927 dan **Iakah Salmah?** Karangan Ahmad Rashid Talu dalam tahun 1928 dan 1929.⁶⁵

Semasa menuntut di MPSI, beliau sangat meminati mata pelajaran Ilmu Hisab dan Sejarah. Guru Sejarah yang terkenal di MPSI pada waktu itu ialah Cikgu Abdul Hadi Hasan, beliau selalu memberikan syarahan tentang kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan kedatangan pihak penjajah yang akhirnya telah merampas kuasa masyarakat tempatan. Syarahan Cikgu Abdul Hadi ini telah memberikan kesedaran kepada bangsa Melayu dan seterusnya turut menanamkan semangat kebangsaan di dalam jiwa orang Melayu untuk menentang penjajah.⁶⁶ Kedua-dua orang tokoh inilah yang telah menanamkan semangat kebangsaan Melayu di MPSI. Peranan dan sumbangan Harun ini telah dilihat sebagai:

[T]erkenal juga sebagai seorang guru yang bersungguh-sungguh berusaha menanamkan kesedaran dan kebangsaan kepada murid-murid beliau. Bukan itu sahaja bahkan beliau telah meneruskan cita-cita perjuangannya keluar dari jawatan guru menjadi pejuang tanahair dengan menggunakan hujung penanya yang tajam itu dengan adanya beberapa ramai bekas murid-murid beliau menceburkan diri dan meneruskan perjuangan-perjuangan kemerdekaan tanahair maka nyatalah usaha-usaha yang telah disemaikan oleh beliau itu telah berjaya merebak dengan suburnya.⁶⁷

⁶⁵ W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 198-199.

⁶⁶ Sundusia Rosdi, "HAR Dalam Sastera dan Sasterawan," hlm. 195.

⁶⁷ Mohd. Atan bin Bulat, "Perjuangan Guru-guru Melayu Dalam Perjuangan Mencipta Kemerdekaan Tanahair," dalam *Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, Bingkisan Merdeka* 1957, hlm. 33.

Untuk mengelakkan dirinya daripada terus diburu oleh pihak penjajah, Harun telah menggunakan nama samaran dalam setiap penulisannya. Beliau biasanya dikenali dengan nama HAR, Atma Jiwa, dan Gustam Negara. Usaha untuk membebaskan tanahair daripada penjajah dalam diri Harun juga telah banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik daripada Indonesia melalui pembacaan majalah dan buku-buku yang dibawa masuk dari sana. Antaranya ialah **Suara Rakyat** yang telah menjadi organ kepada Partai National Indonesia, **Bintang Hindia**, **Bintang Islam**, **Pandji Islam** dan **Pedoman Masyarakat**.⁶⁸

Minat dan kesungguhan Harun dalam memperjuangkan dan menyedarkan bangsa Melayu dalam bidang politik memang tidak dapat disangkal lagi. Antara pujian yang telah diberikan oleh beberapa orang penulis terhadap perjuangan Harun adalah seperti berikut:

[S]ebagai salah seorang penyemai benih semangat kebangsaan kepada penuntut-penuntutnya di MPSI. Sewaktu menjadi pendidik di sana, dianggap sebagai pendidik, penulis dan wartawan yang gigih dalam perjuangannya memberikan semangat kebangsaan melalui penulisannya, juga sebagai pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu yang terulung di zamannya.⁶⁹

⁶⁸ Sundusia Rosdi, op.cit., hlm. 196.

⁶⁹ *Utusan Melayu*, Isnin 10 November 1986.

Lampiran 13

Cikgu Buyong bin Adil

Cikgu Buyong bin Adil atau nama sebenarnya Mohd Yusof bin Adil telah dilahirkan di Teluk Anson, Perak pada tahun 1907. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bandar Teluk Anson. Pada tahun 1921, beliau telah lulus darjah 5 Sekolah Melayu dan kemudiaannya telah terpilih untuk menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Simpang Tiga di Bagan Datoh, Perak. Dari tahun 1924-1926, beliau dilantik memasuki MPSI dan pada tahun 1927-1941 beliau telah menjadi guru di MPSI. Beliau menjadi guru sejarah, senaman dan guru khutub khanah MPSI.⁷⁰

Semasa berada di MPSI, beliau turut melibatkan diri sebagai penyunting majalah **Cenderamata**. Selain daripada itu, beliau juga turut menyandang jawatan sebagai Leftenan Muda dalam pasukan Tentera Sukarela Jalan Kaki Tanah Melayu (MVI). Beliau juga merupakan salah seorang guru yang bersemangat kebangsaan Melayu. Sewaktu di MPSI, beliau telah bertemu dengan Ibrahim Yaacob dan bersama-sama dengan rakan yang lain menentang British melalui KMM. Apabila rahsia ini diketahui oleh British, beliau telah ditukarkan menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Tanjung Malim sehingga tahun 1942 apabila Jepun datang ke Tanah Melayu.⁷¹

⁷⁰ Wan Hashim bin Wan Teh, **Memoir Shaharom Husain**, hlm. 125-136.

⁷¹ Ibid.

Lampiran 14

Abdullah Sidek

Beliau telah dilahirkan pada tahun 1913 di Kampung Kadut, Mukim Jabi, Segamat, Johor. Mendapat pendidikan awal sewaktu berada di Sekolah Melayu Segamat dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Maktab Latihan Melayu, Johor Bahru. Pada tahun 1929, beliau telah memasuki MPSI apabila Maktab Latihan Johor ditutup.⁷²

Abdullah Sidek merupakan seorang guru yang aktif bergiat dalam bidang penulisan khususnya semasa berada di MPSI. Semasa di MPSI, beliau telah banyak membaca buku-buku yang dibawa masuk dari Indonesia. Bahan bacaan ini telah mempengaruhi beliau untuk membebaskan tanahair dari penjajah British memandangkan Indonesia pada waktu itu sedang memperjuangkan pembebasan daripada kuasa Belanda. Abdullah sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan Ibrahim Yaakub, Hasan Manan dan Karim Rasyid yang merupakan ahli KMM pada waktu itu.⁷³

Abdullah Sidek juga merupakan pengawas khutub khanah MPSI di bawah pengawasan Buyong Adil. Sewaktu dalam tahun ketiga di Maktab tersebut, beliau telah menghasilkan sebuah karya sulungnya yang merupakan sebuah novel yang bertajuk **Bercinta Yang Tak Berfaedah** yang telah diterbitkan dalam tahun 1932

⁷² F. Yasin, "Abdullah Sidek," *Dewan Sastera*, Julai 1972, hlm. 3.

⁷⁰ Ibid.

⁷³ Ibid.

oleh Encik Debab bin Haji Salleh dari United Press, Pulau Pinang.⁷⁴ Setelah tamat pengajian di MPSI, beliau telah ditugaskan mengajar di Segamat dan kemudian di Parit Jamil, Muar.

Dalam tahun 1934, Abdullah menerbitkan novel yang kedua yang bertajuk **Penanggungan Seorang Putera Raja**, dan sehingga Perang Dunia Kedua, beliau telah menghasilkan sebanyak 14 buah novel di mana 12 daripadanya telah diterbitkan sendiri oleh beliau.⁷⁵

Kebanyakan novel-novel yang dihasilkan oleh Abdullah membawa persoalan percintaan, kahwin paksa, kisah rumahtangga dan jenayah dalam masyarakat. Inilah yang membezakan Abdullah dengan penulis guru yang lain di mana beliau sering mengemukakan persoalan yang berbagai-bagai dalam setiap karyanya dan tidak hanya menekankan kisah-kisah percintaan sahaja. Dalam novel beliau yang bertajuk **Siapakah Pembunuhnya** mengisahkan tentang cerita penyiasatan dan jenayah. Manakala dalam novel **Mari Kita Berjuang** pula, ia membawa persoalan semangat kebangsaan kepada orang Melayu. Dalam novel ini beliau telah menonjolkan golongan belia Melayu dan golongan yang berpendidikan Melayu agar bersama-sama membela bangsa, agama dan tanahair.⁷⁶

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ Ibid

⁷⁶ Ibid.

Selain daripada menulis novel, beliau juga telah banyak menulis cerpen yang kebanyakannya diterbitkan semasa zaman pendudukan Jepun pada tahun-tahun 1940-an, Walau bagaimanapun, menurut Za'ba, Abdullah merupakan seorang novelis, cerpenis yang menggunakan latarbelakang, tema dan persoalan di Tanah Melayu. Watak-watak yang mendokong karya beliau adalah berdasarkan watak-watak tempatan. Shaharom Husain pula mengatakan Abdullah Sidek merupakan seorang pengarang Melayu yang belum mencampurkan perkataan Indonesia dan Inggeris dalam setiap karyanya.⁷⁷ Inilah yang telah dilakukan oleh Abdullah Sidek sepanjang karyanya sebagai seorang penulis. Antara majalah yang pernah menyiarkan karya beliau ialah **Warta Malaya**, **Majalah Guru**, **Cermin Hidup** dan **Medan Sastera**. Beliau sering menggunakan nama samaran "Ngumba" dalam setiap penulisannya.

⁷⁷ Ibid., hlm. 5.

Lampiran 15

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Za'ba telah dilahirkan pada 16 September 1895 di Bukit Kerdas, Jempol, Negeri Sembilan. Bapa beliau bernama Ahmad bin Ibrahim berketurunan daripada orang Bugis di Linggi. Menurut Za'ba nenek-moyangnya berasal daripada golongan terkemuka orang Bugis dari Kepulauan Riau yang bermula dari Datuk Awaluddin dan Tuk Serilah. Keluarga ini telah berhijrah ke Tanah Melayu pada akhir abad yang ke-18 dan telah mula menetap di Linggi pada abad yang ke-19.⁷⁸

Za'ba telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri terutamanya pendidikan agama. Sejak berumur lima tahun lagi, beliau telah diajarkan membaca Muqaddam dan pengajian Al-Quran serta hukum-hukum Islam. Beliau juga turut diajarkan tentang membaca dan menulis jawi. Pada masa usia yang masih muda, Za'ba telah menunjukkan kebolehan dalam bidang keagamaan. Ini kerana bapanya telah membekalkan beliau dengan bahan-bahan bacaan yang berbentuk agama seperti **Pemimpin Pengetahuan, Pohon Pelajaran, Jalan Kepandaian** dan juga beberapa buah hikayat yang terkenal seperti **Hikayat Siti Zubaidah, Hikayat Bustaman, Hikayat Si Miskin, Hikayat Abu Nawas, Hikayat Muhamad Ali Hanafiah,**

⁷⁸ Adnan bin Haji Mohd. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998, hlm. 1.

Hikayat Abdullah dan Sejarah Melayu.⁷⁹

Za'ba telah menerima pendidikan formal sewaktu berusia 12 tahun apabila beliau bersekolah di sekolah Melayu di kampungnya sehingga tamat darjah 5. Pada tahun 1909, Za'ba telah ditukarkan ke Sekolah Linggi dan di sekolah ini beliau telah menunjukkan satu pencapaian yang sangat memuaskan dalam 'Scholarship Examination' 1909. Ini telah melayakkan beliau menjadi seorang guru pelatih Sekolah Melayu dan juga Sekolah Inggeris. Selepas menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu, Za'ba telah menyambung pelajarannya di Sekolah Inggeris di Seremban selama 6 tahun. Beliau telah lulus peperiksaan Senior Cambridge antara tahun 1910-1915. Semasa di sekolah ini, beliau telah mendapat banyak sijil seperti Preliminary Cambridge 1913, Standard Seven Examination dan Junior Cambridge 1914 dan Senior Cambridge pada tahun 1915. Di sekolah ini jugalah beliau telah banyak didedahkan dengan hasil-hasil kesusasteraan daripada Barat.⁸⁰

Selepas tamat pengajiannya, Za'ba dilantik menjadi guru sementara di Paul Institution dan juga kerani pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Seremban. Beliau menerima gaji sebanyak \$25.00 sebulan. Tidak lama kemudian, beliau telah ditawarkan menjadi guru oleh kerajaan Negeri Johor yang bermula pada 1 Jun 1916. Beliau menerima gaji sebanyak \$116.00 sebulan. Antara tahun 1918-1923, beliau telah dilantik menjadi Guru Penyelia Bahasa Melayu di MCKK. Sewaktu berada di MCKK, beliau banyak melibatkan diri dalam bidang penulisan. Hasil karya beliau telah banyak diterbitkan oleh akhbar dan majalah seperti **Utusan Melayu, Pengasuh, Lembaga Melayu, Panduan Guru, Majalah Guru, Warta Jenaka, Bulan Melayu,**

⁷⁹ Ibid., hlm. 4.

⁸⁰ Ibid., hlm. 7.

Saudara dan sebagainya. Kebolehan berbahasa Inggeris telah membolehkan beliau menulis banyak karya-karya yang telah disiarkan dalam majalah antarabangsa berbahasa Inggeris seperti *The Muslim* dan *Islamic Review*.⁸¹

Tulisan beliau banyak menyentuh tentang masalah yang sedang dihadapi oleh orang Melayu, raja dan para pembesar Melayu dan juga ancaman yang paling besar kepada orang Melayu ialah kuasa penjajah kolonial British dan bangsa asing seperti Cina dan India. Tulisannya yang penuh dengan kata-kata sinis dan berunsur penentangan terhadap pemerintah menyebabkan kegiatannya itu telah dikesan oleh British. Za'ba telah diberikan amaran supaya tidak menyebarkan idea tersebut kepada para pelajarnya di MCKK khasnya dan orang Melayu amnya.

Menyedari akan pengaruh Za'ba terhadap pemikiran orang Melayu, akhirnya beliau telah ditukarkan ke Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai seorang penterjemah dan pengarang buku teks untuk sekolah Melayu. Tugas ini juga berada di bawah pengawasan R.O. Winstedt yang pada masa itu menjadi Timbalan Pengarah Pendidikan NNS dan NNMB. Walau bagaimanapun, beliau masih lagi meneruskan tulisannya yang telah dianggap sebagai kontrovesi iaitu "The Poverty of The Malays" dan telah mendapat tentangan hebat daripada pihak British memandangkan tulisan tersebut membincangkan masalah kemiskinan orang Melayu yang dikaitkan dengan penjajah British. Usaha Za'ba telah diteruskan lagi untuk membela bangsa dan bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan. Beliau bersama-sama dengan adiknya iaitu Muhamad Yusof telah menubuhkan The Malay Literary Society pada 18 Mac 1924. Nama persatuan tersebut ditukarkan kepada Persatuan Kemajuan Pengetahuan

⁸¹ Ibid., hlm. 15.

pada 25 Disember 1924.⁸² Adik beliau telah dilantik sebagai Yang DiPertuanya yang pertama.

Atas arahan daripada O.T. Dussek, Za'ba telah ditukarkan ke Jabatan Karang-mengarang di MPSI pada 1 April 1924. Dussek pada masa itu merupakan Pengetua MPSI. Kegiatan Za'ba untuk menghasilkan lebih banyak karya-karya dan penulisan dalam bahasa Melayu dapat diperkembangkan lagi apabila beliau dilantik menjadi Ketua Pengarang dan Penterjemah Kanan di Pejabat Karang-mengarang tersebut. Semasa di Jabatan ini, Za'ba bertugas menerbitkan buku-buku teks untuk sekolah-sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu. Selain daripada itu, beliau juga turut sama menterjemah dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Kesempatan ini telah digunakan oleh beliau untuk memperkembang dan memperkayakan lagi bahasa dan kesusasteraan Melayu. Untuk itu beliau telah berjaya menghasilkan buku-buku dalam bahasa Melayu antaranya ialah **Ilmu Bahasa Melayu I** (1927), **Ilmu Bahasa Melayu II** (1927), **Rahsia Ejaan Jawi** (1930) dan **Ilmu Mengarang Melayu** (1934). Sumbangan beliau yang tidak terhingga dalam perkembangan bahasa Melayu menyebabkan beliau digelar sebagai "Pendeta Bahasa Melayu".

⁸² Ibid., hlm, 17-18. Untuk melihat gambaran yang jelas tentang peranan Za'ba dalam memajukan orang Melayu. Sila lihat Adnan Haji Nawang, "Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu," Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995.